

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 48

Y.B. Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [JASIN] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal global dan apakah hasil atau kejayaan yang telah di capai setakat ini dari segi sumbangan kepada peningkatan pelaburan dan pembangunan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan Halal Industry Development Corporation (HDC) pada 18 September 2006 untuk menerajui pembangunan industri halal negara secara komprehensif dan menyeluruh. Sehubungan itu, Kerajaan telah pun mewujudkan Pelan Induk Industri Halal (2008 – 2020) yang menggariskan beberapa strategi bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global menjelang 2020. Pelan Induk ini juga memberi fokus untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Rujukan Global

bagi perkara-perkara berkaitan integriti halal serta pusat pengeluaran, perdagangan dan inovasi halal.

Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global termasuk:

- mewujudkan Pusat Sokongan Global Halal di HDC di mana pihak industri dan pengguna dapat memperolehi maklumat, data dan bahan-bahan berkaitan halal;
- Sistem "*Halal Data Warehouse*" yang pertama seumpamanya di dunia diwujudkan bagi melaporkan data-data penting berkaitan eksport halal, pelaburan halal dan sebagainya;
- membangunkan modal insan di mana lebih daripada 60,000 peserta telah menjalani latihan pengurusan pematuhan pensijilan halal bagi mewujudkan pekerja mahir berkenaan halal;
- mewujudkan ekosistem halal yang lengkap bagi pengeluaran produk dan perkhidmatan berkaitan halal; dan
- mengadakan aktiviti promosi perdagangan berkaitan halal melalui penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), misi-misi perdagangan halal ke luar negara serta mengadakan kerjasama dengan negara luar bagi membuka lebih banyak akses kepada pasaran produk dan perkhidmatan halal dan meningkatkan pengaliran pelaburan dan perdagangan dua hala.

Tuan Yang Di Pertua,

Melalui usaha-usaha yang telah dijalankan tersebut, Malaysia telah berjaya mengeksport pelbagai jenis barangan ke luar negara. Pada tahun 2012, negara telah mengeksport barangan halal bernilai RM32 bilion di mana ianya menyumbang sebanyak 4.6% kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM702.9 bilion.

Pada tahun 2013 pula, nilai eksport produk halal bernilai RM32.8 bilion. Di antara produk-produk utama yang dieksport adalah makanan dan minuman halal (RM13.2 bilion), ramuan halal (RM10.6 bilion) dan produk berasaskan minyak sawit (RM4.8 bilion).

Tuan Yang Di Pertua,

HDC juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan pembangunan taman-taman halal di Malaysia. Pada masa ini, terdapat 21 taman halal di seluruh Negara dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 taman halal telah menerima status HALMAS HDC bagi melayakkan syarikat menikmati galakan cukai.

Sehingga Ogos 2014, sebanyak 130 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM8.1 bilion di mana sebanyak RM2.6 bilion (32%) merupakan pelaburan tempatan serta lebih daripada 5,700 peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui HDC telah memperkenalkan Program Transformasi Perniagaan Halal (HBT) bermula tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing dan jualan syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal yang menyertainya.

Bermula dengan penyertaan dari hanya 149 syarikat pada tahun 2011, kini bilangan peserta HBT telah bertambah kepada 860 syarikat. Program ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal halal tersebut menjana jualan dengan jumlah melebihi RM1.51 bilion atau secara purata RM500 juta jualan setahun.